

covid-19

(10 Julai 2021) Harian metro, p.8

135: KEMATIAN CECAH REKOD BAHARU

KES KUMULATIF
LEPASI 800,000

ANGKA kematian iaitu 135 dicatatkan kelmarin merupakan yang tertinggi. - Gambar NSTP/OSMAN ADNAN

Kuala Lumpur

Mencemaskan! Ini senario sepanjang rangkuman mingguan 3 Julai hingga 8 Julai 2021 apabila kes harian baharu Covid-19 kembali melonjak dengan kelmarin melepasi angka lapan ribu sementara kes kumulatif pula melepasi 800 ribu kes.

Kelmarin, Malaysia dibebani 8,868 lagi kes koronavirus maut ini, menjadikan jumlah kes aktif dengan kebolehhajatan Covid-19 sebanyak 77,275 kes. Kes kumulatif pula 808,658 kes.

Angka kes harian baharu Covid-19 sebelum ini berlegar dalam lingkungan enam ribu pada 3, 4 dan 5 Julai sebelum merekod 7,654 kes pada 6 Julai dan 7,097 kes pada 7 Julai.

Kali terakhir

855

Jumlah kluster aktif
dicatatkan setakat
8 Julai

Malaysia mencatat kes harian baharu Covid-19 sekitar lapan ribu adalah pada 3 Jun 2021 iaitu 8,209 kes dengan kes aktif sebanyak 83,331 kes. Angka tertinggi kes harian baharu Covid-19 yang pernah dicatat di negara ini adalah pada 29 Mei iaitu 9,020 kes.

Kelmarin, Selangor yang konsisten melaporkan kes harian Covid-19 empat angka merekod 4,152 kes. Da-

ripada jumlah itu, 2,662 atau 64 peratus adalah daripada kontak rapat.

Kuala Lumpur yang menyertai Selangor untuk jumlah kes empat angka, kelmarin melaporkan 1,133 kes berbanding 1,550 kes pada 6 Julai dan 1,005 kes pada 7 Julai.

Malaysia juga dibebani 855 kluster aktif. Setakat 8 Julai 2021, jumlah kluster direkod di negara ini berjumlah 2,999 dan 2,144 daripadanya ditamatkan.

Rangkuman mingguan ini yang berdasarkan data Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekod sebanyak 117 kluster baharu dan sebanyak 74 atau 63.2 peratus daripadanya adalah kluster tempat kerja.

Dua kluster tempat kerja dilaporkan pada 6 Julai melibatkan kes positif Covid-19 yang banyak iaitu Kluster Industri Lorong Senawang Empat (Seremban dan Port Dickson, Negeri Sembilan) melibatkan pekerja kilang dan setakat 6 Julai, 324 kes positif dikesan, Kluster Tapak Bina Damanlela (Kemping, Selangor) melibatkan pekerja tapak binaan, setakat 6 Julai sebanyak 630

kes positif dikesan.

Sementara itu, daripada 29 kluster baharu yang dilaporkan kelmarin, sebanyak 19 adalah kluster tempat kerja, 8 kluster komuniti, 1 kluster pendidikan dan 1 kluster kumpulan berisiko tinggi.

Keadaan cemas juga menyelubungi Unit Rawatan Rapi (ICU) kerana kemasukan kes yang turut meningkat. Setakat kelmarin sebanyak 952 kes dirujuk ke ICU dan 445 kes daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Angka kematian tertinggi dicatat kelmarin iaitu 135 kes, menjadikan jumlah 5,903 kes. Kes kematian tertinggi sebelum ini dilaporkan pada 2 Jun 2021 iaitu 126 kes.

Malahan, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataan akhbar pada 7 Julai mengenai Situasi Semasa Jangkitan Penyakit Coronavirus 2019 (Covid-19) di Malaysia pada turut melahirkan kebimbangan "petugas barisan hadapan (Perubatan dan Kesihatan) mengalami gejala burnout kerana terpaksa berjuang menangani begitu banyak kes Covid-19 untuk tempoh yang kian berlarutan."

Menurut beliau, jumlah purata kes baharu harian selama tujuh (7) hari (30 Jun 2021 hingga 6 Julai 2021) adalah sebanyak 6,539 kes.

"Ini didapati masih tinggi berbanding nilai ambang PPN (Pelan Pemulihan Negara) iaitu kurang daripada 4,000 kes sehari (atau 12.2 kes baharu harian bagi setiap 100,000 penduduk).

"Nilai ambang 4,000 kes baharu harian ini adalah ditetapkan berdasarkan kapasiti hospital menghadapi situasi luar jangka, kadar kemasukan kes ke wad dan kadar discaj kes semasa.

"Negeri mencatatkan bilangan kes baharu melebihi nilai 12.2 kes bagi setiap 100,000 penduduk adalah Wilayah Persekutuan Labuan, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Melaka, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Sarawak, dan Pahang.

"Lebih membimbangkan lagi, trend kemasukan kes Covid-19 ke Unit Rawatan Rapi (ICU) masih berada pada tahap tinggi. Ia tidak menunjukkan penurunan ketara sejak dari Minggu Epidemiologi (ME) ke-23 (6 Jun 2021 hingga 12 Jun 2021) hingga kini di mana jumlah penggunaan katil ICU masih melebihi 90 peratus."

Dengan 808,658 kes kumulatif, Malaysia kini di tangga 34 (tangga 35 rangkuman mingguan lepas) dalam senarai 216 buah negara yang dilanda pandemik Covid-19. Di hadapan Malaysia ialah Jepun (811,712 kes) dan Israel (844,684 kes).

Sementara itu, setakat ini enam buah negeri iaitu Perlis, Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Pulau Pinang sudah beralih ke fasa dua sekatan pergerakan perjalanan (SPP) di bawah PPN. Sabah diumumkan beralih ke fasa dua mulai 10 Julai ini.

Untuk beralih ke fasa dua, jumlah kes harian baharu Covid-19 perlu mencapai nilai ambang di bawah 4,000. Dua lagi faktor diambil kira ialah kadar penggunaan katil di ICU pulih ke paras sederhana dan 10 peratus populasi Malaysiamenerima dua dos suntikan vaksin.

Fasa pertama SPP yang bermula 1 Jun 2021 sehingga 14 Jun 2021 dan disambung sehingga 28 Jun 2021 mungkin berlangsung sehingga pertengahan Julai 2021. PPN yang terbahagi kepada empat fasa diharapkan dapat mengembalikan kehidupan harian biasa di negara ini.

MALAYSIA berada di tangga
34 dalam senarai 216 negara
dilanda pandemik Covid-19.